

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Pejabat Pembangunan Pelajar & Alumni UUM CAS
Sent: 27 Mac 2017 12:11
To: UUM - All Students; UUM - All Staff
Cc: Dr. Massudi bin Mahmuddin
Subject: MENTOR PROGRAM UTARA CREATIVEPRENEUR INCUBATOR (UCI)
MEMPERKASAKAN MODUL KEUSAHAWANAN.



PEJABAT PEMBANGUNAN PELAJAR DAN ALUMNI
Student Development & Alumni Office
College of Arts and Sciences
Universiti Utara Malaysia

27 MAC 2017 / 28 JAMADILAKHIR 1438H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

**MENTOR PROGRAM UTARA CREATIVEPRENEUR INCUBATOR (UCI) MEMPERKASAKAN
MODUL KEUSAHAWANAN.**



PPA UUMCAS ONLINE: Seramai tujuh (7) orang mentor dari program keusahawanan UCI telah berkampung selama tiga hari di Swiss Inn, Sungai Petani bermula pada 23 Mac – 25 Mac 2017 untuk memperkasakan modul keusahawanan bagi program UCI. Di dalam bengkel tersebut, sebanyak lapan (8) buah modul keusahawanan di dalam bidang industri kreatif telah dihasilkan seperti keterampilan keusahawanan, idea perniagaan & BMC, kemahiran jualan, rancangan pemasaran, dokumentasi perniagaan, *crowd sourcing* dan pelan tindakan.

UCI adalah program pengalaman berasaskan 'dunia perniagaan sebenar' yang berupaya memberi pendedahan kepada bakal usahawan kepada konteks perniagaan bagi membolehkan mereka meningkatkan kemahiran secara spesifik serta memperkembangkan kerjaya mereka. Di dalam program ini, bakat dan potensi pelajar di dalam industri kreatif akan dikembangkan secara sistematik melalui program UCI yang terancang sehingga berupaya menjadi seorang usahawan yang berjaya. Program yang ditaja oleh Kementerian Pengajian Tinggi ini melalui kerjasama Institut Pembangunan Usahawan dan Koperasi (CEDI) dikendalikan oleh Pejabat Pembangunan Pelajar dan Alumni, UUM CAS akan berjalan selama 12 bulan dan akan berakhir pada October 2017.

Modul yang diberikan nama "Usahawan Kreatif Utara" akan dijadikan rujukan oleh peserta UCI yang telah berjaya di dalam sesi *pitching* ketika menjalankan perniagaan kelak. Mereka dijadualkan akan mengikuti bengkel Usahawan Kreatif Utara pada 31 Mac 2017 - 2 April 2017 ini di Pulau Pinang dan menggunakan pakai modul ini.

Sekian

=====

Pejabat Pembangunan Pelajar & Alumni
UUM College of Arts & Sciences
Tel: 049285307 | Faks: 049285310
Emel: cas-sadc@uum.edu.my
Website: <http://ppacas.uum.edu.my>



Pejabat Pembangunan Pelajar & Alumni



@ppauumcas

=====



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.